



جامعة السلطان الشريف علي الإسلامية
UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI
SULTAN SHARIF ALI ISLAMIC UNIVERSITY

Fakulti Syariah dan Undang-Undang Semester I, Sesi Akademik 2014/2015

Kertas Soalan Peperiksaan

Kod Kursus : SJ 4303
Nama Kursus : Acara Jenayah Mahkamah Syariah
Peringkat kursus : Sarjana Muda
Masa : 3 Jam

Rujukan Dibenarkan

Akta Majlis Ugama Islam Penggal 77
Akta Kanun Peraturan Jenayah Penggal 7

Arahan: Jawab **Enam (6)** soalan sahaja

SOALAN PERTAMA (10 markah)

- (1) Apakah pengertian kes saman dan kes waran menurut undang-undang?
[2 markah]
- (2) Kesalahan yang terdapat dalam soalan kedua (2) termasuk di dalam kategori mana?
[4 markah]
- (3) Nyatakan alasan anda bagi jawapan (2)?
[4 markah]

SOALAN KEDUA (10 markah)

Pada 1 Disember 2014, anda baru sahaja memulakan tugas sebagai Pegawai Penguatkuasa Agama. Tiga hari berikutnya, anda mendapat maklumat dari facebook bahawa lelaki A telah bertindak sebagai orang tengah di antara seorang lelaki dengan seorang perempuan dalam kegiatan pelacuran. Menurut Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, 2013, Bab 205 menyatakan mana-mana orang yang bertindak sebagai orang tengah di antara seorang perempuan dengan seorang lelaki bagi sebarang maksud yang bertentangan dengan Hukum Syara' adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$12, 000, dihukum penjara selama suatu tempoh tidak melebihi 3 tahun atau kedua-duanya sekali.

Sebagai seorang Pegawai Penguatkuasa Agama yang baru bertugas, Apakah tindakan anda tentang perkara di atas?

[10 markah]

SOALAN KETIGA (10 markah)

Anda adalah seorang Pendakwa Syar'ie, Bahagian Penguatkuasa Agama telah menyerahkan satu laporan penuh bersama keterangan yang berkaitan mengenai perbuatan seorang lelaki bernama "A" berkurung dengan seorang perempuan bernama "B", selama 1 jam tanpa dihadiri oleh mana-mana orang, pada 5 November 2014, jam 2:00 pagi, dalam sebuah bilik di dalam sebuah rumah no: 5 Kg, XYZ. Kesalahan ini berkaitan dengan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, 2013, Bab 196(1),(2),(3).

- (1) Sila draf satu (1) pertuduhan bagi tujuan pendakwaan ke Mahkamah Syariah bagi kes di atas.
[5 markah]
- (2) Bagi tujuan pendakwaan, bagaimana caranya anda memulakan kes ini ke Mahkamah Syariah?
[5 markah]

SOALAN EMPAT (10 markah)

Kuasa Pegawai Penguatkuasa Agama dipertikai dalam kes **Pendakwa Syar'ie lwn Shah bin Abdullah bil MRS/2/2009**. Peguam Syar'ie telah berhujjah bahawa Pegawai Penguatkuasa Agama tidak diberi kuasa oleh mana-mana undang-undang di Negara Brunei Darussalam untuk menggunakan Akta Kanun Peraturan Jenayah (waran geledah). Oleh yang demikian, segala dapatan hasil daripada penggunaan kuasa yang salah ini tidak dapat diguna pakai dalam perbicaraan kes.

Sebagai Pendakwa Syar'ie, sediakan hujah balas bagi mencabar hujah peguam tersebut.

[10markah]

SOALAN LIMA (10 markah)

Dalam kes **Ahmad bin Yahya (Perayu) lwn Pendakwa Mahkamah-Mahkamah Kadi No. 2/79**, Jawatankuasa Kehakiman telah bersetuju dengan keputusan Mahkamah Kadi Besar dalam kes bilangan 79/78 yang mensabitkan kesalahan perayu atas kesalahan persetubuhan haram tertegah bernikah berdasarkan pengakuan (iqrar) perayu sendiri sebanyak tiga (3) kali.

- (1) Berdasarkan peruntukan manakah Kadi Besar tersebut membuat keputusan untuk mensabitkan kesalahan perayu.

[3 markah]

- (2) Adakah anda bersetuju dengan keputusan tersebut sedangkan Perintah Keterangan Mahkamah Syariah 2002, Bab 24 menyatakan bahawa iqrar bagi kesalahan zina hanya boleh diterima jika dibuat empat (4) kali dalam empat (4) sidang yang berasingan,
Nnyatakan pendapat anda bersama hujah yang menyokong pendapat itu.

[7 markah]

SOALAN ENAM (10 markah)

Anda adalah seorang hakim syar'ie, anda telah menjatuhkan hukuman \$2,500 ke atas seorang lelaki yang didapati bersalahan atas kesalahan mengikut Bab195, Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, 2013. Pesalah tidak bersetuju dengan hukuman itu dan memohon dilepaskan kerana hendak membuat rayuan.

- (1) Apakah keputusan anda mengenai permohonan ini?

[5 markah]

(2) Berdasarkan peruntukan manakah anda memutuskan perkara (1)?

[5 markah]

SOALAN TUJUH (10 markah)

Anda adalah seorang pengantar saman. Anda telah diarahkan untuk menyampaikan satu saman kepada seseorang. Apakah acara jenayah yang perlu anda ikuti bagi menyampaikan saman tersebut kepada orang yang berkenaan.

[10 markah]

بالتوفيق والنجاح